



15 APR, 2025

Jentayu meterai projek hidroelektrik RM2.8b

Utusan Malaysia, Malaysia



Jentayu meterai projek hidroelektrik RM2.8b

PETALING JAYA: Jentayu Sustainable Sdn Bhd., melalui anak syarikatnya yang dimiliki 70 peratus, Oriole Hydro Padas Sdn. Bhd. (OHP), menandatangani perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. untuk projek hidroelektrik di Sipitang, Sabah.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Jentayu Sustainable berkata, projek itu yang terletak di Hulu Sungai Padas itu terdiri daripada dua kemudahan hidroelektrik dengan gabungan kapasiti bersih sebanyak 162 megawatt.

Operasi komersial dijadualkan bermula pada 1 Jun 2029.

"PPA menentukan kewajipan

pihak-pihak berkenaan untuk menjual dan membeli tenaga yang dijana oleh kemudahan itu selama 40 tahun dari tarikh operasi komersial," katanya.

OHP adalah syarikat tujuan khas yang dimiliki oleh anak syarikat Jentayu Sustainable (70 peratus), anak syarikat Sabah Electricity (20 peratus) dan anak syarikat Yayasan Sabah (10 peratus).

Melalui perjanjian itu, OHP akan mereka bentuk, membina, menguji, mengoperasikan, memiliki, mengendalikan dan menyelenggara skim hidroelektrik di bawah model bina-miliki-operasi-pindah (BOOT).

Jentayu Sustainable mem-

beritahu, projek tersebut dijangka tidak memberi impak ketara kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025 tetapi akan menyumbang secara positif apabila beroperasi.

Jentayu Sustainable dalam kenyataan berkata, perjanjian itu membabitkan pelaburan sebanyak RM2.8 bilion dan dijangka mewujudkan kira-kira 2,000 peluang pekerjaan semasa pembinaan tempoh, dengan tambahan 150 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk penyelenggaraan dan operasi daripada loji selepas pembinaan.

Syarikat tenaga boleh diperbaharui itu berkata, projek mer-

cu tanda itu yang merupakan pelaburan langsung domestik swasta, mewakili salah satu inisiatif tenaga boleh diperbaharui terbesar di Sabah setakat ini.

"Projek Oriole ini dijangka menyumbang dengan ketara kepada Pelan Hala Tuju Tenaga Diperbaharui Sabah (RAMP 2040), membekalkan anggaran 16 peratus daripada permintaan beban puncak Sabah melalui kuasa hidro yang boleh diper-cayai dan mampan."

"PPA ini merasmikan penjualan dan pembelian elektrik daripada Project Oriole kepada Sabah Electricity dalam tempoh konsesi selama 40 tahun," katanya.